

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2001/2002

September 2001

**HMT 326 - Analisis Wacana**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA [2]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi **TUJUH [7]** soalan. Jawab **LIMA [5]** soalan sahaja. Soalan nombor **1 WAJIB** dijawab. Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan yang lain.

Tulis nombor 1 hingga 7 berturutan di muka hadapan buku jawapan anda sama ada soalan tersebut dijawab atau tidak. Beri tanda pangkah di hadapan nombor soalan yang tidak dijawab.

**BAHAGIAN A** [Soalan **WAJIB** dijawab]

1. Dengan menggunakan contoh-contoh yang sesuai dan memadai, jelaskan peranti kohesi nahuan dan peranti kohesi leksikal yang terdapat dalam bahasa Melayu.

[40 markah]

**BAHAGIAN B** [Jawab mana-mana **EMPAT [4]** soalan yang berikut]

2. Tunjukkan bagaimana unsur fungsi dan aksi atau lakuan bahasa dapat digunakan untuk menghuraikan wacana koheren yang tidak kohesi dan wacana koheren yang melibatkan aspek bukan verbal.

[15 markah]

3. Definisikan wacana dari segi bentuk, jenis, struktur dan unsurnya.

[15 markah]

...2/-

4. Bandingkan dan bezakan wacana lisan dengan yang bertulis menerusi aspek penghasilan, persembahan, fungsi dan bentuk.

[15 markah]

5. Bincangkan ciri, fungsi dan kepentingan pemerenggan, kerapian (urutan) dan tanda bacaan untuk menghasilkan wacana yang utuh.

[15 markah]

6. Inferen, sama ada yang bersifat luaran atau dalaman, tidak boleh menjadi fakta. Ulaslah kenyataan ini.

[15 markah]

7. Bandingkan dan bezakan skema konteks analisis wacana yang berikut: skema saranan Firth (1935) dan Hymes (1967) di satu pihak dengan Lewis (1972) dan Halliday (1991) di pihak yang lain.

[15 markah]